

|            |                              |             |                     |
|------------|------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Buka peluang jual ais goyang |             |                     |
| MediaTitle | Harian Metro (Johor)         |             |                     |
| Date       | 09 Nov 2017                  | Color       | Full Color          |
| Section    | News                         | Circulation | 214,000             |
| Page No    | 44                           | Readership  | 642,000             |
| Language   | Malay                        | ArticleSize | 181 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                          | AdValue     | RM 5,313            |
| Frequency  | Daily                        | PR Value    | RM 15,939           |



## Kluang

### Buka peluang jual ais goyang

Duta Jauhar menyasarkan memberi peluang kepada sekurang-kurangnya 20 lepasan sekolah atau belia menganggur yang mahu meningkatkan ekonomi dengan menjual ais goyang di setiap daerah di negeri ini.

Melalui pendekatan itu, setiap peserta hanya perlu menjual manakala peralatan serta bahan keperluan membuat ais goyang dibekalkan sepenuhnya Duta Jauhar dengan kerjasama Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Pengurus Kewangan Duta Jauhar Fatin Azrin Mohd Mobin berkata, sejak diperkenalkan Mei lalu, 10 belia di Kluang bekerjasama dengan pihaknya menjual ais goyang pada majlis rasmi kerajaan atau keramaian penduduk.

“Syarat diperlukan hanya ada kenderaan, selebihnya termasuk tempahan majlis atau tempat jualan kami uruskan.

“Pendapatan jualan di-

bahagi sama rata yang mana sekurang-kurangnya seorang penjual boleh mencapai hasil RM200 dalam satu masa,” katanya ketika perasmian Ais Goyang Aspirasi Jauhar di sebuah pasar raya, di sini, kelmarin.

Majlis perasmian disempurnakan Pengerusi Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Dewan Undangan Negeri Kahang P Rajini.

Menurut Fatin, setiap penjual ais goyang boleh menjual makanan itu di pasar tani dan pasar malam pilihan mereka.

“Mereka tidak hanya bergantung kepada majlis rasmi yang membuat tempahan dengan kami, malah boleh melebarkan pasaran ke tempat lain yang difikirkan strategik.

“Dengan cara ini, mereka mampu mendapat pendapatan tambahan sekitar RM70 hingga RM140 untuk sekali jualan berdasarkan jumlah 100 batang ais goyang yang dihasilkan,” katanya.



FATIN Azrin (kanan) menunjukkan cara membuat ais goyang di sebuah pasaraya di Kluang, semalam.